

AKHBAR : BERITA HARIAN**MUKA SURAT : 59****RUANGAN : NASIONAL**

Pesakit campak meningkat

Kuala Terengganu: Jumlah pesakit Orang Asli yang dirawat di Hospital Hulu Terengganu (HHT) kerana campak meningkat kepada enam orang, dengan kes terbaru membabitkan seorang remaja perempuan Orang Asli berusia 18 tahun.

Pengarah Kesihatan Terengganu (JKNT), Dr Mohd Jusoh, berkata remaja berasal dari Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu itu datang mendapatkan rawatan di HHT semalam, sebelum ditahan di wad untuk rawatan lanjut.

Beliau berkata, pesakit datang ke HHT selepas mengalami gejala demam, batuk, selesema, sakit tekak, kelesuan, muntah, cirit-birit dan kurang selera makan.

"Pesakit ada sejarah hubungan dengan seorang pesakit wanita Orang Asli dari kampung sama yang disahkan positif wabak campak sebelum ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, dengan pertambahan kes baharu itu menjadikan keseluruhan 18 pesakit Orang Asli dirawat di HHT sejak 12 Jun lalu, bagaimanapun 12 sudah dibenarkan pulang.

"Ketika ini masih ada enam pesakit dirawat di HHT iaitu seorang pesakit lelaki Orang Asli dan lima pesakit wanita Orang Asli," katanya.

 **Pesakit datang ke HHT selepas mengalami gejala demam, batuk, selesema, sakit tekak, kelesuan, muntah, cirit-birit dan kurang selera makan.**

**Dr Mohd Jusoh,
Pengarah Kesihatan
Terengganu**

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 59
RUANGAN : NASIONAL

204 suku Batek diberi suntikan vaksin

Gua Musang: Seramai 204 Orang Asli suku Batek dari Kampung Kuala Koh dan Kampong Aring 5 mula diberi suntikan vaksin semalam.

Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Kelantan/Terengganu, Hashim Alang Abdul Hamid, berkata suntikan itu diberikan untuk mengelak penyakit berjangkit.

Katanya, proses pemberian suntikan vaksin itu mendapat kerjasama sepenuhnya daripada penduduk Orang Asli.

"Bagaimanapun penduduk yang demam dan mengandung

akan diberi suntikan kemudian. "Penduduk Orang Asli di dua kampung berkenaan menerima suntikan vaksin daripada petugas khas Jabatan Kesihatan Gua Musang," katanya.

Orang Asli yang selesai menerima rawatan hospital akan terus ditempatkan sementara di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Etnobotani, Gua Musang.

"Langkah itu bagi menjaga keselamatan mereka daripada terus dijangkiti penyakit berkepanaan. Setakat ini tidak ada lagi kes baru dikesan," katanya.



Penduduk suku Batek menunggu giliran menerima suntikan vaksin, semalam.

(Foto Ramli Ibrahim/BH)

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 18
 RUANGAN : NASIONAL

Tarik balik zon merah

Sekiranya keadaan kesihatan di Kuala Koh semakin baik

SITI FATIHAH AWANG

KOTA BHARU

Arahan zon merah di kawasan perkampungan orang asli suku Bateq di Kuala Koh, Gua Musang akan ditarik balik minggu depan jika keadaan kesihatan dan persekitaran menunjukkan trend semakin baik.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Dr Zaini Hussin berkata, perkara tersebut diputuskan berdasarkan sejauh mana perkembangan sema-



Zaini (tiga dari kiri) semasa melakukan gimik perasmian Konvensyen Farmaseutikal Kebangsaan 2019 semalam.

sa kesihatan masyarakat orang asli tersebut.

“Kita sentiasa memantau keadaan di sana dan apa yang dapat dilihat (dalam tempoh) dua minggu ini, ia menunjukkan trend semakin baik.

“Walaupun ada beberapa kes yang dimasukkan ke hospital, namun belum di-

sahkan sama ada ia demam campak atau tidak.

“Jika keadaan ini berterusan, Insya-ALLAH kita akan menasihatkan pihak berkuasa menarik balik larangan zon merah di kawasan tersebut,” katanya kepada pemberita semalam.

Terdahulu, beliau hadir merasmikan Konvensyen

Farmaseutikal Kebangsaan 2019 bermula 2 hingga 4 Julai di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan semalam.

Pada 12 Jun lalu, kawasan kediaman masyarakat orang asli itu diisyiharkan zon merah berdasarkan perbincangan Agensi Pengurusan Benarkan Negara (Nadma).

Zaini berkata, pihaknya juga memulakan vaksinasi kepada masyarakat orang asli tersebut yang mendapat kerjasama baik daripada agensi lain terutama Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka).

Sementara itu, mengulas mengenai salah seorang anggota polis yang mengalami masalah kesihatan selepas bertugas di Kuala Koh baru-baru ini, Zaini berkata, sehingga kini tiada laporan mengatakan masalah kesihatan tersebut ada kaitan dengan demam campak.

AKHBAR : THE SUN**MUKA SURAT : 1****RUANGAN :**

Fee hike on hold

► Proposed review of private medical general practitioners' charges to be discussed by cost of living council

■ BY AMAR SHAH MOHSEN
AND ASHWIN KUMAR
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The Cabinet wants the proposed review of the consultation fees for private medical general practitioners (GPs) to be discussed by the National Cost of Living Action Council (Nacol) before any decision is made.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad told the Dewan Rakyat yesterday the proposal was submitted to the Cabinet for approval on April 24, after the ministry took note of the difficulties faced by GPs in dealing with rising overheads and costs.

"While giving fair consideration to the proposal for a review of the consultation fees, the Health Ministry has also taken into account the views of various quarters, including consumer associations and employers from

numerous industries."

Dzulkefly was reply to Charles Santiago (PH-Klang) on action taken by the ministry to standardise consultation fees for GPs at public and private clinics.

He said a town hall session involving GPs and other stakeholders had also been held on Aug 27, 2018.

Dzulkefly dismissed claims that hundreds of private clinics have closed because the government failed to raise consultation fees.

He said a check by his ministry revealed that of the 889 clinics that have shut down since 2015, only 115 were forced to cease operations due to financial and economic reasons.

"That translates to only 13% of the total," he said in response to a claim by Santiago that GPs were having trouble staying in business.

Consultation fees at private clinics have

Turn to
page 2

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Delays left private clinics cash-strapped

not been raised for 27 years.

The government recently decided to raise consultation fees at clinics to be on par with that of hospitals.

Currently, GPs charge RM10 to RM35 for a visit, but at private hospitals, the fees are RM30 to RM125.

Dzulkefly said his ministry would also look into claims that the involvement of medical third-party administrators (TPAs) in managing claims have led to increased costs for GPs.

It was recently reported that delayed payments and processing of claims by TPAs, or middlemen enlisted by companies to handle payments for their employees' health bills, have left private clinics cash-strapped.

Dzulkefly also said the ministry is working on a strategic approach to expand the implementation of the Electronic Medical Record (EMR) system to all hospitals and health clinics nationwide.

"So far, the EMR system has been implemented at only 35 out of 145 public hospitals and 118 out of 1,703 government clinics are using the Hospital Information System and Clinical Information System," he said in reply to a supplementary question from William Leong Jee Keen (PH-Selayang).

The EMR system allows patient medical records to be accessed at any hospital or clinic.

From
front
page